

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMOR ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab atau punca pindaan Akta Acara Sivil 1956 (Civil Law Act Act 1956) masih belum dibawa ke Dewan untuk pertimbangan dan kelulusan Dewan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] masih belum dibawa ke Dewan kerana cadangan pindaan Akta Undang-Undang Sivil 1956 ini memerlukan kajian yang komprehensif. Kajian lanjut perlu dilakukan dan ia mengambil masa memandangkan cadangan pindaan ke atas Akta Undang-Undang Sivil 1956 ini melibatkan ruang lingkup yang rumit, pelbagai isu yang kompleks dan pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*).

Kajian mendalam berkenaan dengan cadangan pindaan Akta Undang-Undang Sivil 1956 ini sangat penting bagi memastikan segala isu yang berbangkit dapat diberi pertimbangan yang adil dan sewajarnya bagi mendapatkan cadangan penyelesaian yang sesuai dan juga untuk memastikan kepentingan kesemua pihak dilindungi.

Sekiranya hal perkara cadangan pindaan dan isu berbangkit kepada Akta Undang-Undang Sivil 1956 dapat dimuktamadkan, cadangan pindaan tersebut dijangka akan dibawa ke Parlimen pada suku kedua tahun 2017.

Sekian, terima kasih.